



23 Ogos 2019  
23 August 2019  
P.U. (A) 226

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)  
(NO. 9) 2019

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 9) ORDER 2019*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 9) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2019**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2020.

**Individu yang diluluskan**

2. (1) Individu yang diluluskan yang disebut dalam Perintah ini ialah seorang wanita—

(a) yang merupakan seorang warganegara Malaysia;

(b) yang bermastautin di Malaysia;

(c) yang telah berhenti daripada penggajian dan tidak memperoleh apa-apa pendapatan penggajian bagi tempoh berturut-turut sekurang-kurangnya dua puluh empat bulan sebelum atau setakat 27 Oktober 2017;

(d) yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman penggajian sepenuh masa sebelum pemberhentian penggajian yang disebut dalam subsubperenggan (c);

(e) yang tidak melebihi umur lima puluh lapan tahun pada tarikh permohonan yang disebut dalam subperenggan 3(4) dibuat;

- (f) yang telah menandatangani kontrak penggajian sepenuh masa di Malaysia dengan seorang majikan yang layak bagi tempoh sekurang-kurangnya dua puluh empat bulan;
- (g) yang telah bekerja sekurang-kurangnya dua belas bulan berturut-turut daripada tempoh kontrak penggajian yang disebut dalam subsubperenggan (f) dengan majikan yang layak yang sama dan tempoh penggajian tersebut adalah antara 27 Oktober 2017 hingga 31 Disember 2020;
- (h) yang pendapatan kasarnya daripada kontrak penggajian yang disebut dalam subsubperenggan (f) adalah sekurang-kurangnya RM5,000.00 sebulan; dan
- (i) yang permohonannya di bawah subperenggan 3(4) telah diluluskan.

(2) Bagi maksud perenggan ini—

“berhenti daripada penggajian” adalah tidak termasuk apa-apa cuti tanpa gaji, cuti separuh gaji atau cuti bergaji penuh;

“majikan yang layak” ertinya mana-mana orang tetapi tidak termasuk—

- (a) suatu syarikat yang dikawal, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, oleh individu yang diluluskan itu;
- (b) suatu ketuanpunyaan tunggal; atau
- (c) seorang saudara individu yang diluluskan yang merupakan ibu atau bapa, termasuk ibu atau bapa mertua, anak, termasuk anak tiri atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang, abang, kakak atau adik, atau datuk, nenek atau cucu, atau pasangan.

### **Pengecualian**

3. (1) Menteri mengecualikan individu yang diluluskan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan kasar yang diperoleh daripada suatu penggajian.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan berturut-turut.

(3) Tempoh yang disebut dalam subperenggan (2) bermula dari tempoh asas bagi suatu tahun taksiran bila mana suatu pilihan dibuat oleh seorang individu yang diluluskan dan pilihan itu hendaklah dibuat dalam tahun taksiran itu atau tahun taksiran yang berikutnya yang individu yang diluluskan itu memulakan penggajiannya sebagaimana yang disebut dalam subsubperenggan 2(1)(g).

(4) Permohonan bagi pengecualian di bawah Perintah ini hendaklah dibuat kepada Menteri melalui Talent Corporation Malaysia Berhad pada atau selepas 1 Januari 2018 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2019.

(5) Pengecualian yang diberikan di bawah Perintah ini adalah tertakluk kepada individu yang diluluskan mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu.

(6) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan seorang individu yang diluluskan daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun, atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

(7) Bagi maksud perenggan ini, "Talent Corporation Malaysia Berhad" ertinya suatu syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dengan nombor pendaftarannya 919577-H dan bermastautin di Malaysia.

Dibuat 20 Ogos 2019

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2018)(SJ.5); LHDN.AY.A.608-12/1/7(29)-19; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG  
*Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)  
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 9) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order maybe cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 9) Order 2019**.

(2) This Order shall have effect from the year of assessment 2018 until the year of assessment 2020.

**Approved individual**

2. (1) An approved individual referred to in this Order is a woman—

(a) who is a citizen of Malaysia;

(b) who is residing in Malaysia;

(c) who has ceased employment and has not derived any employment income for a continuous period of at least twenty four months prior to or as at 27 October 2017;

(d) who has at least three years full time employment experience prior to the cessation of employment referred to in subsubparagraph (c);

(e) who has not exceeded the age of fifty-eight years on the date the application referred to in subparagraph 3(4) is made;

(f) who has signed a full time employment contract in Malaysia with a qualifying employer for a period of at least twenty four months;

- (g) who has worked for at least twelve consecutive months from the employment contract period referred to in subsubparagraph (f) with the same qualifying employer and the period of that employment is between 27 October 2017 until 31 December 2020;
- (h) whose gross income from an employment contract referred to in subsubparagraph (f) is at least RM5,000.00 a month; and
- (i) whose application under subparagraph 3(4) has been approved.

(2) For the purpose of this paragraph—

“ceased employment” does not include any no pay leave, half pay leave or full pay leave;

“qualifying employer” means any person excluding—

- (a) a company which is controlled, either directly or indirectly, by the approved individual;
- (b) a sole proprietorship; or
- (c) a relative of the approved individual who is a parent, including a parent in law, a child, including a step child or child adopted in accordance with any law, a brother or sister, or a grandparent or grandchild, or a spouse.

### **Exemption**

3. (1) The Minister exempts an approved individual in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of the gross income derived from an employment.

(2) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for a period not exceeding twelve consecutive months.

(3) The period referred to in subparagraph (2) commences from the basis period of a year of assessment when an option is made by an approved individual and the option shall be made in the year of assessment or the following year of assessment in which the approved individual commences her employment as referred to in subsubparagraph (2)(1)(g).

(4) An application for exemption under this Order shall be made to the Minister through Talent Corporation Malaysia Berhad on or after 1 January 2018 but not later than 31 December 2019.

(5) An exemption granted under this Order is subject to the approved individual complying with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption.

(6) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved an approved individual from complying with any of the requirements to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

(7) For the purpose of this paragraph, "Talent Corporation Malaysia Berhad" means a company limited by guarantee incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] with its registration number of 919577-H and is residing in Malaysia.

Made 20 August 2019

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2018)(SJ.5); LHDN.AY.A.608-12/1/7(29)-19; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG  
*Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]*